

TEKS UCAPAN
LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA SEMPENA PENUTUPAN PERAYAAN 40 TAHUN
PERSATUAN SENI SILAT CEKAK MALAYSIA DI DEWAN
BANKUET PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
DARUL REDZUAN , 15 JUN 2006.

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.Bhg. Dato' Hasan Nawawi Abd Rahman, Datuk Bandar Ipoh,

Y.M Tuan Hj. Ishak Itam, Guru Utama dan Presiden Persatuan Seni Silat
Cekak Malaysia

Y.Berusaha Tuan Hj. Maideen Kadir Shah, Naib Presiden Persatuan Seni
Silat Cekak Malaysia

Para ahli Lembaga Pelajaran dan Tatatertib PSSCM

AJK Pusat, YDP Cawangan-Cawangan, Dif-Dif kehormat & Para hadirin
sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia, kasih dan sayang serta dengan izin-nya dapat kita berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini bagi merayakan acara Kovokesyen sempena penutupan perayaan 40 tahun (Jubli Delima) PSSCM di Dewan Bankuet Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Redzuan yang serba indah ini. Saya

telah dimaklumi bahawa majlis penyampaian sijil kali ini bukan sahaja mengurniakan Sijil Rendah tetapi juga Sijil Menengah dan diadakan dengan penuh adat istiadat.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas jemputan yang diberikan kepada saya untuk merasmikan dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil menengah dan rendah kepada semua penuntut dan pengamal Seni Silat Cekak Malaysia yang berjaya serta lulus ujian yang telah diadakan di sepanjang tahun 2005/2006 ini. Tahniah saya ucapkan kepada yang telah berjaya tamat dan seterusnya berjaya mengambil ujian ini.

Hadirin- hadirat yang saya hormati sekalian

Saya amat berbangga dan kagum sekali terhadap usaha gigih Guru Utama Tn.Hj.Ishak Itam bersama para pemimpin persatuan ini yang telah berusaha untuk membangun dan mengembangkan salah satu warisan bangsa yang amat bernilai ini dengan begitu sabar. Beliau berani berhadapan dengan segala cabaran dan dugaan sama ada dari dalam mahupun dari luar persatuan ini bagi memastikan persatuan ini terus wujud.

Saya amat menyokong usaha tuan-tuan untuk memartabatkan Silat Cekak ini khususnya dalam usaha untuk menjelaskan kepada masyarakat tentang peranan positif seni silat ini khususnya dalam memelihara jati diri bangsa Melayu. Kita mahu melihat bangsa kita tetap unggul dan tidak tergugat oleh anasir-anasir luar yang kini telah mula menjangkiti anak bangsa kita kesan daripada dasar “langit terbuka”.

Untuk makluman tuan-tuan, saya sebenarnya tidak asing kepada Silat Cekak ini kerana saya sendiri merupakan salah seorang penuntut awal Seni Silat Cekak di USM pada tahun 1976 bersama-sama dengan Dr. Abdul Majid. Saya percaya bahawa silat ini jika dikaji secara ilmiah, masyarakat akan dapat menilai kebaikan dan kelebihan silat ini serta membuktikan kualiti pelajarannya, konsep dan falsafah yang dibawa. Saya yakin mutu silat ini adalah setanding dan berupaya mengatasi segala bentuk bela diri sama ada dari dalam mahupun dari luar. Kaedah, buah pukulan, kuncian serta aspek pendidikan yang terdapat dalam silat ini boleh kita gunakan untuk menjaga diri, mendidik diri dan seterusnya mempertahankan bagsa, agama dan negara.

Saya menyeru kepada para penuntut IPT dan para cendekiawan untuk terus memperbanyakkan penulisan ilmiah tentang seni silat ini agar apabila tiba masanya silat ini dimartabatkan sebagai silat nasional nanti kesemua bahan akademik dan dokumen penting tentangnya telah sedia kita miliki. Usaha-usaha Penyelidikan dan Pembangunan tentang silat ini perlu dipergiatkan lagi agar silat ini bukan sahaja menjadi salah satu tunggak kokurikulum di semua IPT negara ini malah mampu untuk menerajui pusat-pusat institusi persilatan dan kebudayaan di negara ini.

Hadirin- hadirat yang saya hormati sekalian

Saya ingin mengambil kesempatan pada pagi yang mulia ini untuk berkongsi maklumat tentang kemelut penyakit yang melanda masyarakat terutamanya di kalangan anak muda negara ini. Meningkatnya bilangan penagih dadah, mat rempit, peragut, pembawa penyakit aids serta pelbagai penyakit sosial

yang statistiknya sekarang ini melebihi ratusan ribu orang, malah mengatasi bilangan ahli berdaftar silat ini sendiri. Yang menyedihkan, mereka ini kebanyakannya terdiri daripada bangsa kita sendiri. Keadaan ini amat membimbangkan jika ianya masih berterusan. Sebelum penyakit ini menjadi lebih serius dan parah, kita perlu memainkan peranan iaitu menarik golongan muda untuk menyertai kegiatan yang berfaedah atau persatuan seperti PSSCM. Saya yakin penglibatan remaja Melayu khususnya dalam Seni Silat Cekak akan dapat mengukuhkan jati diri, serta mendidik diri agar menjadi seorang yang tetap pendirian dan tahu akan tanggungjawab terhadap diri, bangsa, agama dan negaranya.

Hadirin- hadirat yang saya hormati sekalian

Silat Cekak, berdiri lurus menunggu apa sahaja serangan yang datang sebenarnya mendidik kita menjadi insan yang lebih berani dan tetap pendirian. Malah membantu kita menangkis anasir negatif dan menerima unsur positif yang dapat memberikan nilai tambah sahsiah diri. Berani merupakan sifat yang perlu ada dalam setiap diri muslimin dan muslimat agar kita terus dihormati dan digeruni oleh mereka yang berniat jahat. Harapan saya, melalui persatuan ini akan lahir lebih ramai ahli masyarakat yang bertanggungjawab demi kesejahteraan, keamanan dan ketenteraman negara. Dalam erti kata lain, “Negara kita tanggungjawab kita bersama”

Akhir kata saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan selamat menyambut ulangtahun ke-40 PSSCM. Saya berdoa agar persatuan ini akan terus maju dan berjaya mencapai wawasannya.

Dengan lafaz Bismillah..... saya dengan ini merasmikan upacara
Konvensyen Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia 2006.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullah